

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**  
**TARIKH : 9.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ;-

- (a) berapa jumlah pelajar yang gagal dalam SPM 2013 di seluruh negara mengikut pecahan negeri ; dan
- (b) berapakah jumlah pelajar yang telah gagal dalam semua mata pelajaran dan adakah kegagalan pelajar ini disebabkan pelajar masih buta huruf dan apakah langkah drastik Kementerian untuk mengurangkan kadar kegagalan pelajar dalam SPM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jumlah calon yang tidak mendapat sijil dalam SPM 2013 adalah seramai 70,909 orang.
- (b) Jumlah yang gagal dalam semua mata pelajaran dalam SPM 2013 adalah seramai 2,912 orang. Manakala jumlah calon yang tidak hadir semua mata pelajaran dalam SPM 2013 adalah seramai 6,811 orang. Antara langkah-langkah untuk meningkatkan pencapaian murid terutamanya di luar bandar ialah:

- Mengadakan Program Transformasi Daerah (SIP+) dengan menempatkan pembimbing pakar (SISC+) bagi membantu guru dan rakan pembimbing SIPartner+ bagi membantu guru besar/pengetua di sekolah;
- Meningkatkan bantuan kewangan (cth; KWAMP) yang dikaitkan dengan keberhasilan;
- Membudayakan konsep Sekolah Penyayang untuk menarik minat murid ke sekolah;
- Meningkatkan program kecemerlangan akademik ;
- Mengadakan program bimbingan dan kauseling serta program pemulihan bagi pelajar yang lemah; dan
- Menyediakan intensif kepada guru dan pemimpin sekolah yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang